

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2222-1378



9 772232 157005

UiTM Sarawak *Night Run*

By Ch'ng Looi Chin

The UiTM Sarawak Night Run, which was held on 5th December, 2014, was an interesting night packed with lots of fun, joy and exciting activities such as Zumba and Aerobiction Challenge. UiTM Sarawak students who participated in the event brought back unforgettable memories of running at night together with their peers and friends.

The highlight of the event was the lucky draw. Lucky winners brought back a bicycle and a mini iPad. The event was held to encourage a healthy lifestyle among UiTM students, balancing between the need for academic pursuit and physical health.



Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-anak Yayasan Kemajuan Insan Sarawak (YAKIN)

Pada 18 Julai 2014 yang lepas, satu majlis berbuka puasa bersama anak-anak Yayasan Kemajuan Insan Sarawak (YAKIN) telah diadakan di Masjid Qurawiyyin, UiTM Sarawak. Majlis ini dianjurkan oleh D'Bes Club daripada Diploma in Business Studies. Program ini telah disertai oleh 51 orang anak-anak Yayasan Kemajuan Insan Sarawak (YAKIN), seorang pegawai pengiring iaitu En. Kudus Tony dan 23 ahli jawatankuasa.


Program ini diadakan bagi mendedahkan masyarakat dan orang awam mengenai kehidupan kanak-kanak yang kurang berkemampuan dan berlatar-belakangkan keluarga yang susah serta sejarah yang tidak diinginkan. Justeru itu, program ini telah memberi peluang kepada kanak-kanak untuk merasai keseronokan bersama masyarakat luar. Selain daripada itu, kami memilih Rumah Anak-Anak Yayasan Kemajuan Insan Sarawak (YAKIN) sebagai tempat mencurahkan khidmat komuniti kerana kami yakin mereka dapat menerima kehadiran kami dan menyesuaikan diri dengan masyarakat luar.

Antara aktiviti yang diadakan ialah sesi ice-breaking dan disusuli dengan majlis berbuka puasa. Semua anak-anak YAKIN menjamu selera sebelum menunaikan solat maghrib berjemaah. Selesai menunaikan solat maghrib, majlis diteruskan lagi dengan tazkirah maghrib yang disampaikan oleh Ustaz Hasibullah bin Roslan yang bertajuk 'Al-Quran Sebagai Petunjuk Kehidupan'. Anak-anak YAKIN turut menunaikan solat isyak dan diikuti dengan solat taraweh berjemaah. Sesudah solat

taraweh, anak-anak YAKIN menerima sumbangan yang disampaikan oleh En. Johari Bin Abdullah dan turut menerima bubur lambuk sebagai buah tangan sebelum beredar pulang.

Adalah diharapkan melalui projek ini, para pelajar mendapat kemahiran merancang, mengutus dan melaksanakan program khidmat masyarakat. Juga diharapkan program ini akan dapat meninggalkan impak positif terhadap komuniti setempat ataupun secara globalnya kepada negara.

Para peserta program



Sesi ice-breaking





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**